AM

TERMA DAN SYARAT PROGRAM INSENTIF BSJ
TERMS AND CONDITIONS BSJ INCENTIVE PROGRAM

Program Insentif Murid dan Sekolah BSN Smart Junior ("Program Insentif BSJ") ini adalah program yang dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) yang menawarkan insentif ganjaran wang tunai kepada murid dan sekolah berdasarkan pengumpulan mata ganjaran.

BSN Smart Junior Student and School Incentive Program (BSJ Incentive Program) is a program organized by Bank Simpanan Nasional (BSN) that offers cash reward incentive to students and schools based on the collection of reward points.

1. KELAYAKAN / *ELIGIBILITY*

1.1. Semua pelanggan yang memenuhi syarat di bawah adalah layak untuk menyertai Program Insentif BSJ ini ("Peserta"):

a) Kategori Murid:
   i. Warganegara Malaysia ;
   ii. Semua murid Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah di seluruh Malaysia termasuk sekolah kerajaan dan swasta;
   iii. Peserta hendaklah seorang pemegang akaun simpanan BSN di bawah skim BSN Smart Junior (BSJ) atau BSN Skim Galakan Simpanan Pelajar (BSN SGSP). Peserta yang tidak mempunyai akaun simpanan hendaklah membuka akaun BSN GIRO/ GIRO-i di bawah skim BSJ atau BSN SGSP dan tertakluk kepada deposit permulaan minima dan terma dan syarat bagi akaun simpanan seperti yang ditetapkan oleh pihak BSN;
   iv. Berumur antara tujuh (7) tahun hingga dua puluh (20) tahun bagi skim BSJ dan berumur antara tujuh (7) tahun hingga tujuh belas (17) tahun bagi BSN SGSP.

b) Kategori Sekolah:
   i. Sekolah perlu berdaftar sebagai BSN *School Ambassador* (BSA).

All Participants that meet the following criteria are eligible to participate in this BSJ Incentive Program ("Participants"):

a) Student Category:
   i. Malaysian Citizen;
   ii. All primary dan secondary students in Malaysia including government and private schools;
   iii. Participants must be a BSN savings account holder under the BSN Smart Junior (BSJ) scheme or BSN Student Savings Incentive Scheme (BSN SGSP). Participants who do not have a savings account must open a BSN GIRO/ GIRO-i account under the BSJ or BSN SGSP scheme and subject to the initial minimum deposit and terms and conditions for the savings account as stipulated by BSN;
   iv. Aged between seven (7) years to twenty (20) years for BSJ scheme and aged between seven (7) years to seventeen (17) years for BSN SGSP aged between seven (7) to twenty (20) years old.

b) School Category:
   i. The schools must be registered as the BSN School Ambassador (BSA).

TERMA DAN SYARAT PROGRAM INSENTIF BSJ
TERMS AND CONDITIONS BSJ INCENTIVE PROGRAM

2. KATEGORI- KATEGORI PENYERTAAN/ *PARTICIPATION CATEGORIES*

2.1. PROGRAM INSENTIF MURID/ *STUDENT INCENTIVE PROGRAM CATEGORY*

a) Peserta akan mendapat mata ganjaran yang akan dikira secara bulanan berdasarkan simpanan mereka, penyertaan dalam aktiviti/ program yang dianjurkan oleh BSN dan pencapaian akademik atau sukan Peserta.

The Participants will be rewarded with reward points which will be calculated on monthly basis based on their savings, participation in activity/program organized by BSN and academic or sports achievements.

b) Terdapat tiga (3) kategori untuk Peserta mengumpul dan mendapatkan mata ganjaran.

There are three (3) categories for the Participants to earn and collect the reward points.

No.	Kategori/ *Categories*	Diskripsi/ *Description*	Item/ *Items*	Mata ganjaran/ *Reward Points*
1	Akaun simpanan (Nota : Terhad sehingga 600 mata untuk setiap murid setiap bulan) *Savings Account (Note : Up to maximum 600 points for each student per month)*	Pertumbuhan simpanan bulanan *Monthly Savings Growth*	Setiap pertumbuhan simpanan RM1 *Every RM1 savings growth*	2
2.	Program/Aktiviti BSN *BSN Program/ Activities*	Program/ Aktiviti BSN di bawah Program Insentif BSJ *Any program or activity organized by BSN under BSJ Incentive Program*	Penyertaan *Participation*	10
			Pemenang *Winner*	30
3	Pencapaian Akademik/Sukan Murid *Student Academic/ Sport Achievement*	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) *Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)*	Mendapat A dalam setiap mata pelajaran *'A' in each subject*	10
		Pertandingan Sukan *Sports Competition*	Wakil sekolah/ Pemenang *School Representative/ Winners*	20

Mata ganjaran Peserta akan dikemas kini secara bulanan dan dengan pengumpulan mata tersebut, peserta berpeluang menerima insentif ganjaran wang tunai dengan cara pengkreditan ke akaun BSN GIRO/-i atau BSN SSP Peserta yang berkenaan pada setiap suku tahunan dan/atau tahunan *The Participants' reward points will be updated monthly and the Participants will stand a chance to convert the collected reward points into cash (subject to Clause 2.1(c) below) which will be credited into the respective Participant's BSN GIRO/-i or BSN SSP on a quarterly and/or yearly basis.*

c) Seramai 100 Peserta dengan mata tertinggi dari setiap kategori sekolah layak untuk menerima insentif ganjaran wang tunai tertakluk kepada syarat di bawah:

i. Memenuhi minimum 1,000 mata ganjaran;
ii. Mempunyai peningkatan simpanan bulanan; dan
iii. Mesti menyertai sekurang-kurangnya satu (1) program/ aktiviti BSN atau pencapaian murid/ sukan.

Top 100 participants from each school category with the highest point will be eligible for the cash reward incentive subject to the requirement below:
i. Meet the minimum threshold of 1,000 points,
ii. Must have monthly savings growth; and
iii. Must participate in at least one (1) BSN program/activities or student/sport achievements.

Kategori *Category*		**Insentif Ganjaran Wang Tunai** *Cash Reward Incentive*	**Pemenang Setiap Negeri/ Suku Tahun** *Winners per State/ Quarter*	**Pemenang Setiap Tahun/** *Winners Per Year*
Suku Tahunan/ *Quarterly*				
Sekolah Rendah *Primary*	100 murid dengan mata tertinggi / *Top 100 students with the highest points*	RM 2,000 (jumlah keseluruhan)/ *(overall total)*	100	5,200
Sekolah Menengah *Secondary*	100 murid dengan mata tertinggi / *Top 100 students with the highest points*	RM 2,000 (jumlah keseluruhan)/ *(overall total)*	100	5,200
Tahunan/ *Yearly*				
Sekolah Rendah *Primary*	3 murid dengan mata tertinggi / *Top 3 students with the highest points*	RM 2,300 (jumlah keseluruhan)/ *(overall total)*	-	3
Sekolah Menengah *Secondary*	3 murid dengan mata tertinggi / *Top 3 students with the highest points*	RM 2,900 (jumlah keseluruhan)/ *(overall total)*	-	3
JUMLAH/ *TOTAL*				**10,406**

d) Mata ganjaran Peserta yang terhapus dalam setiap suku tahun dan tidak akan dikira dalam kitaran suku tahunan seterusnya di bawah Kategori Murid. Namun, mata ganjaran yang terhapus tersebut akan diambilkira dalam pengiraan kutipan mata ganjaran bagi Kategori Sekolah.

The Participants' reward points that were eradicated in every quarterly will not be calculated in the next redemption cycle under the Student Category. However, the eradicated points will be considered in the calculation of points collection for the School Category.

2.2. PROGRAM INSENTIF SEKOLAH/ *SCHOOL INCENTIVE PROGRAM*

a) Mata ganjaran yang dikumpul Peserta akan digunakan untuk mengira Mata Ganjaran Keseluruhan Tertinggi untuk menentukan pemenang insentif suku tahunan dan tahunan sekolah ("Pemenang"), seperti di bawah:

The Participants' collected points will be used to calculate the Overall Top Points to determine the quarterlyy and yearly schools incentive winners ("Winner(s)"), as per below:

Kategori/ *Category*		**Insentif Ganjaran Wang Tunai/ *Cash Reward Incentive***	**Pemenang / *Winners***
Suku Tahun/ *Quarterly*			
Sekolah Rendah/ *Primary*	Mata ganjaran keseluruhan paling tinggi/ *Overall top points*	RM 500	13
		RM 200	13
		RM 200	13
Sekolah Menengah/ *Secondary*	Mata ganjaran keseluruhan paling tinggi/ *Overall top points*	RM 800	13
		RM 300	13
		RM 300	13
Tahunan/ *Yearly*			
Sekolah Rendah/ *Primary School*	Mata ganjaran keseluruhan paling tinggi/ *Overall top points*	RM10,000	1
		RM5,000	2
		RM1,000	5
Sekolah Rendah Keperluan Khas/ *Primary Special with Special Need*	Mata ganjaran keseluruhan paling tinggi/ *Overall top points*	RM1,500	1
Sekolah Menengah/ *Secondary School*	Mata ganjaran keseluruhan paling tinggi/ *Overall top points*	RM10,000	1
		RM5,000	2
		RM1,000	5
Sekolah Menengah Keperluan Khas/ *Secondary School with Special Need*	Mata ganjaran keseluruhan paling tinggi/ *Overall top points*	RM1,500	1
Guru (dari kategori tahunan)/ *Teachers (from each annual categories)*		RM2,000	4
Jumlah keseluruhan/*Total*			**100**

b) Sekolah di bawah Program Tanpa Tunai BSN akan mendapat bonus tambahan sebanyak 10 mata ganjaran bagi setiap sekolah.

Schools under BSN Cashless Program will get an additional bonus of 10 points each school.

c) Penyertaan sekolah di peringkat negeri dan kebangsaan dalam aktiviti kokurikulum seperti sukan, debat dan lain-lain juga dikira sebagai menyumbang mata untuk sekolah.

School participation at the state and national levels in co-curricular activities such as sports, debates and others is also considered as contributing to school points.

3. PENGIRAAN MARKAH PEMENANG / *Winners calculation method*

3.1. Program Insentif BSJ ini bukan sahaja mengambilkira simpanan pada tahun semasa malah penglibatan murid dalam aktiviti, pencapaian murid dalam akademik serta sekolah tanpa tunai juga diambil kira. Pemilihan Pemenang ditentukan berdasarkan sistem kutipan mata.

This BSJ Incentive Program takes into account not only the current annual savings, but also student participation in activities, academic accomplishment, and cashless schools. The Winner is chosen based on the points system.

A) Jumlah mata individu yang dikumpul oleh murid dari setiap sekolah / *Total individual points collected by student from each school*

Item	Kaedah Pengiraan/ *Calculation*
Simpanan murid *Students saving** (A) *Jumlah pertumbuhan simpanan bulanan/ *Total monthly savings growth (A)*	Jumlah sebenar mata simpanan murid *Actual total students' savings point* ——— Jumlah murid BSJ & SGSP di sekolah *Total BSJ & SGSP students in school*

B) Kadar Penyertaan Murid/ *Student Participation Rate*

Item	Kaedah Pengiraan/ *Calculation*	%	Mata/ *Points*
Kadar Penembusan *Penetration Rate* (B)	Jumlah penyertaan murid/ *Total students participation* ——— Jumlah murid di sekolah/ *Total students in schools*	1-25	10
		26-50	20
		51-75	30
		76-100	40

C) Mata Bonus / *Bonus Points*

Kategori / *Category*	Mata / *Points*
Program Sekolah Tanpa Tunai BSN/ *BSN School Cashless Program*	10
Pertandingan sekolah (Daerah) / *School Competitions (District)*	5

Pertandingan sekolah (Negeri) / *School Competitions (State)*	10
Pertandingan sekolah (National) / *School Competitions (National)*	15

D) Aktiviti BSN/ *Activities BSN*

Item (D)	**Kaedah Pengiraan/** *Calculation*	
	URBAN/ *Bandar*	**RURAL/** *Luar Bandar*
Program/Aktiviti BSN *BSN Program/Activities*	Ikut pengiraan Item (A) / *Follow the calculation under Item (A)* Murid BSJ & SGSP *BSJ & SGSP Student*	Ikut pengiraan Item (A)/ *Follow point calculation under Item (A)* x 2* Murid BSJ & SGSP *BSJ & SGSP Student*

** Mata untuk sekolah luar bandar digandakan dua (2) bagi mengambil kira kawasan geografi yang mungkin mempunyai sambungan dan rangkaian internet yang tidak stabil dan terhad./ Point for rural schools is multiplied by 2 considering the geographical area might have unstable and limited internet connectivity and network.*

E) JUMLAH MATA KESELURUHAN/ *OVERALL TOP POINTS*

Markah/ *Marks*	**Kriteria/** *Marking Criteria*
Jumlah Keseluruhan Mata/ *Overall Points*	**A + B + C + D**

3.2. Pemilihan Pemenang akan diadili oleh panel hakim yang terdiri daripada: -

The selection of Winners will be judged by panel of judges consisting of:

Bil	**PANEL HAKIM**	
	Kategori Tahunan	
1.	Panel Hakim Luar dan Dalaman	• Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) – Bahagian Sukan, Ko-kurikulum & Kesenian, Bahagian Pendidikan Sekolah Harian, Jabatan Pendidikan Negeri W.Persekutuan dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. • MARA – Bahagian Pendidikan Menengah MARA. • Jabatan Teknologi Maklumat BSN • Jabatan Audit BSN • Jabatan Kewangan BSN
	Kategori Suku Tahun	
2.	Panel Hakim Dalaman	• Jabatan Teknologi Maklumat BSN • Jabatan Audit BSN

TERMA DAN SYARAT PROGRAM INSENTIF BSJ
TERMS AND CONDITIONS BSJ INCENTIVE PROGRAM

Bil	PANEL HAKIM	
	Kategori Tahunan	
		• Jabatan Kewangan BSN

No.	*PANEL OF JUDGES*	
	Yearly Category	
1.	***External and Internal Judges***	• *Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) – Bahagian Sukan, Ko-kurikulum & Kesenian, Bahagian Pendidikan Sekolah Harian, Jabatan Pendidikan Negeri W.Persekutuan dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.* • *MARA – Bahagian Pendidikan Menengah MARA.* • *BSN Information Technology Department* • *BSN Internal Audit Department* • *BSN Finance Department*
	Quaterly Category	
2.	***Internal Judges***	• *BSN Information Technology Department* • *BSN Internal Audit Department* • *BSN Finance Department*

3.3. Pemilihan Pemenang oleh panel hakim adalah muktamad. Sebarang rayuan dan surat-menyurat tidak akan dilayan.

Selections of Winners by the panel of judges are deemed as final. Any further appeal and/or correspondence will not be entertained.

3.4. Pemenang akan dimaklumkan melalui telefon dan/atau surat dan/atau mana-mana kaedah lain yang dianggap sesuai oleh BSN.

The Winners will be notified by telephone and/or mail and/or any other method(s) deemed suitable by BSN.

3.5. Nama semua Pemenang akan diumumkan selepas Program Insentif BSJ berakhir mengikut kategori Suku Tahunan dan Tahunan.

The name of the Winners will be announced after the BSJ Incentive Program ends according to their category every quarterly and annually.

3.6. Semua Pemenang dikehendaki mengemukakan salinan kad pengenalan dan dokumen sokongan lain yang disahkan benar sekiranya dikehendaki oleh BSN untuk tujuan pengesahan.

All Winners are required to submit a certified true photocopy of their identification card and other supporting documents as and when required by BSN for verification purposes.

3.7. Peserta adalah bersetuju bahawa BSN mempunyai hak untuk memilih pemenang lain bagi menggantikan mana-mana Pemenang yang tidak layak atau hilang kelayakan atas apa-apa jua sebab lain sepanjang Tempoh Program.

The Participant hereby agrees that BSN reserves the right to select any other winner to substitute any selected Winner who is ineligible or disqualified for any other reason whatsoever throughout the Program Period.

4. HADIAH / *PRIZES*

4.1. Hadiah bagi Program Insentif BSJ ini adalah dalam bentuk insentif hadiah wang tunai ("Hadiah"). Maklumat terperinci dan terkini berkenaan Hadiah adalah seperti yang dipaparkan di dalam Laman Web BSN (www.bsn.com.my) dari semasa ke semasa.

The Prizes for this BSJ Incentive Program is in the form of cash incentive reward ("Prize"). The detail and updated information of the Prize are as published on BSN's Website (www.bsn.com.my) from time to time.

4.2. Semua keputusan yang dibuat oleh BSN berkenaan Program ini adalah muktamad terikat ke atas semua Peserta yang Layak, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat-menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.

BSN's decisions relating to the Contest is final, binding on all Participants, conclusive and undisputable. No further correspondence, appeal and/or attempt to dispute the same will be entertained

4.3. Hadiah akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan BSN GIRO/-i atau BSN SSP Pemenang pada setiap suku tahunan dan/atau tahunan pada tahun dan selepas pengumuman dibuat. Nama Pemenang akan diumumkan melalui surat dan akan dipaparkan di Laman Web BSN atau melalui mana-mana kaedah komunikasi yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa.

The Prize will be credited into the Winner's BSN GIRO/-i savings account or BSN SSP on a quarterly and/or yearly basis within the year and after the announcement is made. The Winners' name will be announced on through mail and will be published at BSN's Website or any other communication method determined by BSN from time to time.

4.4. Sekiranya terdapat majlis penyampaian Hadiah atau acara publisiti lain yang dianjurkan BSN berkaitan dengannya, pihak BSN akan memaklumkan perkara tersebut kepada Pemenang melalui apa-apa kaedah yang difikirkan sesuai dan Pemenang hendaklah menghadiri majlis penyampaian Hadiah atau acara publisiti lain tersebut di mana sebarang kos sampingan termasuk tetapi tidak terhad kepada kos perjalanan adalah ditanggung oleh Pemenang. Penerimaan Hadiah oleh wakil Pemenang boleh dibenarkan atas budibicara BSN dan tertakluk kepada penyerahan dokumen sokongan yang ditetapkan oleh BSN.

In the event there is Prize giving ceremony or any other publicity event organized by BSN in respect thereto, BSN will inform the Winners on the same via any communication that BSN deems suitable and the Winners shall attend the said ceremony or event whereby all the incidental costs including but not limited to traveling cost shall be borne by the Winners. Acceptance of the Prize by the representative of the Winner(s) may be alllowed at the discretion of BSN and subject to the submission of the supporting documents as required by BSN.

4.5. Semua Pemenang mesti mematuhi Terma dan Syarat ini serta Terma dan Syarat yang disertakan dengan Hadiah, sekiranya ada.

All Winners shall abide to the Terms and Condition of BSN for this BSJ Insentive Program and the Terms and Conditions attached to the prizes, if any.

5. HAK BANK / *BANK'S RIGHT*

5.1. BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Program Insentif BSJ ini sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan oleh virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN, walaupun selepas segala

usaha terbaik BSN dilakukan. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Peserta secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

BSN reserves the right to modify, suspend or cancel this BSJ Incentive Program in the event that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN, despite the best efforts of BSN. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Eligible Customers, directly or indirectly, caused by the changes.

5.2. BSN berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses penghantaran penyertaan Program Insentif BSJ, operasi Program Insentif BSJ ini atau melanggar Terma dan Syarat Program Insentif BSJ. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti negatif berkait dengan Program Insentif BSJ ini.

BSN reserves the right, in its sole discretion, to disqualify any Participants that is found or suspected of tampering with the BSJ Incentive Program's process, the operation of this BSJ Incentive Program or to be in violation of the Terms and Conditions of this BSJ Incentive Program. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this BSJ Incentive Program.

6. LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / *LIABILITY AND RESPONSIBILITY*

6.1. Peserta adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Program Insentif BSJ ini.

Participants shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this BSJ Incentive Program.

6.2. Sebarang kos yang dikeluarkan untuk menyertai Program Insentif BSJ ini dan/atau menuntut hadiah adalah di bawah tanggungjawab penuh Peserta / Pemenang atau sekiranya dinyatakan sebaliknya.

Any expenses incurred to participate in this BSJ Incentive Program and/or to redeem the prize is the sole responsibility of the Participants / Winners or if stated otherwise.

6.3. BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal yang menghalang mana-mana individu daripada menyertai Program Insentif BSJ ini.

BSN is not responsible for technical problems that prevent any individual from participating in this BSJ Incentive Program.

6.4. BSN tidak menjamin dan tidak menjanjikan sebarang keputusan tertentu daripada penyertaan Program Insentif BSJ ini.

BSN does not guarantee or promise any specific results from participating in this BSJ Incentive Program.

7. DATA PERIBADI / *PERSONAL DATA*

7.1. Dengan menyertai Program Insentif BSJ ini, Peserta dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya, untuk menggunakan Data

Peribadi dan Butiran Penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Program Insentif BSJ, tertakluk kepada Polisi Privasi yang terdapat di Laman Web BSN.

By participating in this BSJ Incentive Program, the Participants hereby voluntarily gives express consent to BSN and/or its affiliates, to use the Personal Data and Participation Details as provided to BSN for the purposes of this BSJ Incentive Program, subject to the Privacy Policy that is available on BSN's Website.

7.2. Peserta mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:

a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;
b) Meminta apa-apa pembetulan dilakukan/mengemaskini Data Peribadi; dan
c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi;

dengan menghubungi BSN sepertimana dinyatakan dalam Polisi Privasi BSN.

Participants have the right at any time to:
a) Withdraw their consent for the use of Personal Data;
b) Request for any correction/update of Personal Data; and
c) Raise any questions regarding the use of Personal data;
by contacting BSN as stated in the BSN's Privacy Policy.

8. TERMA & SYARAT AM / *GENERAL TERMS & CONDITIONS*

8.1. Dengan menyertai Program Insentif BSJ, Peserta telah dianggap bersetuju:-

a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini, Terma dan Syarat Akaun Simpanan di bawah Skim BSJ dan BSN SGSP dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan; dan
b) Untuk mengakses Laman Web BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan Peserta sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.

By participating in this BSJ Incentive Program, the Participants are deemed to have agreed:
a) To be bound by the Terms and Conditions herein, Terms and Conditions of Savings Account under BSJ and SGSP scheme and any other relevant terms and conditions that BSN may impose from time to time including any amendment thereto; and
b) To access to BSN's Website on regular basis to ensure that the Participants are updated with any change or variation made to the T&Cs.

8.2. Peserta dan/atau Pemenang juga bersetuju dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi atau maklumat dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, untuk tujuan Program Insentif BSJ ini selaras dengan Polisi Privasi BSN.

The Participants and/or Winner(s) also agree and consent to their personal details including without limitation to personal data or information being collected, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN for the purpose of this BSJ Incentive Program in accordance with BSN's Privacy Policy.

8.3. Dalam apa keadaan sekalipun, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggungan terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaian atau sebaliknya, berkaitan dengan Program Insentif BSJ dan/atau Hadiah.

In all circumstances, BSN shall not be held responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the BSJ Incentive Program and/or Prizes.

8.4. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggungan dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Peserta dan/atau Pemenang yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Program Insentif BSJ ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Program Insentif BSJ ini disebabkan oleh kejadian force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik, peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.

BSN shall not be held responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by the Participants and/or the Winners resulting, directly or indirectly, from participation in BSJ Incentive Program or otherwise. Furthermore, BSN shall not be liable for any default of its obligation under BSJ Incentive Program due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.

8.6 Dengan menyertai Program Insentif BSJ, Peserta dan/atau Pemenang dengan ini memberi kebenaran kepada BSN hak untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumat Peserta untuk tujuan pengiklanan semasa dan akan datang, tujuan promosi dan pengumuman Pemenang, dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN. Peserta dan/atau Pemenang tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk gantirugi ke atas butiran yang diterbitkan atau dipamerkan tersebut.

By participating in BSJ Incentive Program, the Participants and/or the Winners consent to BSN the right to publish or display the name, picture or any other information of the Participants for current and future advertising, promotional purposes and Winner announcement, in any manner that BSN and/or its authorized service providers deems appropriate. The Participants and/or the Winner(s) are not entitled to claim for the ownership or any other type of compensation on such details that are published or advertised

8.7. BSN berhak untuk meminda, mengubah, membatal atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, termasuk tidak terhad kepada Tempoh Program, tarikh permulaan dan tarikh tamat Tempoh Program, pada bila-bila masa dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui makluman di Laman Web BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN,, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Peserta dan/atau Pemenang.

BSN reserves the right at its absolute discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part including but not limited to the Campaign Period, commencement and end date of the Campaign, at any time by giving notification within the period BSN deems reasonable prior to such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate. Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Participants and/or the Winners.

8.8. BSN berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menarik balik, membatalkan, menggantung Program Insentif BSJ ini lebih awal daripada Tempoh Program atau melanjutkan Tempoh Program dengan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Peserta secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

BSN at its discretion may withdraw, cancel or suspend the BSJ Incentive Program earlier than the Program Period or extend the Program beyond the Program Period by giving at least twenty one (21) calendars days' notice. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Participants, directly or indirectly, caused by the changes.

8.9. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Program Insentif BSJ ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Program Insentif BSJ yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak BSN.

In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the BSJ Incentive Program, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the BSJ Incentive Program which is not covered in these Terms and Conditions will be determined solely by BSN at its discretion.

8.10. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance by the laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

8.11 Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung Program Insentif BSJ ini, sila hubungi BSN di celikkewangan@bsn.com.my atau layari www.bsn.com.my.
For more information and query relating to the BSJ Incentive Program, please contact BSN at celikkewangan@bsn.com.my or visit www.bsn.com.my.

- TERMA DAN SYARAT TAMAT -
- END OF TERMS AND CONDITIONS-